

Ulasan Buku/*Book Review*

Akhlak dalam Islam Mendepani Abad ke-22 oleh Muhammad Uthman El-Muhammady
(Pengantar: Ismail Mina Ahmad). 2017. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat
Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT)

Diulas oleh

¹ AEMY ELYANI MAT ZAIN

¹ Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra 43000, Kajang Selangor, Malaysia.

Buku ini merupakan karya tulisan al-Marhum Muhammad Uthman El-Muhammady yang merupakan antara cendekiawan Melayu Muslim yang aktif dalam menegakkan akidah Ahli Sunnah Wal-jamaah dan turut bertegas membanteras ideologi dan pemikiran songsang dan liberal di Malaysia sepanjang hayatnya. Beliau telah meninggal dunia pada Mac 2013. Buku ini pertama kali dicetak secara rasmi pada 2017 atas inisiatif Pertubuhan Muafakat Sejahtera (MUAFAKAT) dan penerbitannya ditaja sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Buku ini terdiri daripada tiga bahagian utama selain daripada kata pengantar, muqaddimah, penutup dan bibliografi ringkas. Umumnya kelihatan bahagian pertama hingga bahagian ketiga kronologinya adalah selari yang mana awalnya membincangkan mengenai kejadian insan itu dari pandangan alam Islam atau *Islamic Worldview*. Kemudian, dibahaskan pada bahagian kedua mengenai sifat utama yang ada pada diri insan itu sendiri. Bahagian terakhir pula menjelaskan korelasi antara sifat utama pada diri insan dengan sifat kemuliaan padanya.

Perbincangan yang dibahaskan ringkas dan mudah difahami oleh semua peringkat umur khususnya orang awam. Bab utama buku ini, sedikit sebanyak kelihatan adanya unsur perbincangan yang agak tinggi dan sukar difahami oleh orang awam seperti penggunaan beberapa istilah. Pandangan awal tentang buku ini sasaran pembacanya terhad kepada para pembaca yang mempunyai latar belakang dalam ilmu pengajian

Corresponding author: Aemy Elyani Mat Zain, Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra 43000, Kajang Selangor, Malaysia, mel-e: aemyelyani@kuis.edu.my
Diserahkan: 13 November 2018
Diterima: 24 Disember 2018

Islam terutamanya ilmu tasawuf. Pembaca yang tidak mempunyai asas tersebut perlu merujuk kepada sesiapa yang berlatar belakang asas Islam bagi melancarkan lagi apa yang dibahaskan oleh buku ini.

Bab pertama bertajuk *Kejadian Insan dari Kacamata Psikologi Ruhaniyyah dalam Islam* merupakan permulaan perbahasan yang mempunyai konsep dan pengenalan kepada kejadian insan dari sudut pandang Islam. Apa yang menarik pada bab awal ini, penulis telah memperkenalkan beberapa istilah yang tepat dan selari dengan makna dalam Islam itu sendiri. Contohnya, penggunaan perkataan insan berbanding perkataan manusia supaya perbincangan insan lebih tepat dengan apa yang ada pada diri insan ciptaan Allah SWT itu sendiri. Penulis membuka perbincangan dengan mengemukakan persoalan yang seharusnya setiap insan itu mengenali tentang kejadian dirinya seperti apakah kejadian insan itu sendiri, dari mana asal usulnya, ke mana ia akan pergi dan apa tujuan ia didatangkan dan bagaimana pula kesudahannya. Apabila insan mengenali dirinya, perjalanan hidupnya akan terarah dan mempunyai matlamat yang sebenarnya. Dalam Islam, insan mempunyai tiga sifat dalam dirinya iaitu sifat yang ada pada haiwan, malaikat dan juga iblis. Ketiga sifat ini menonjolkan keperibadian yang berbeza bagi insan tersebut sama ada cenderung kepada golongan yang terkutuk atau golongan yang mulia. Pada masa yang sama, insan perlu menyedari bahawa dirinya mempunyai dua unsur iaitu jasad dan unsur rohani iaitu *qalb* (hati) yang bersifat abstrak dan halus serta berasal dari alam ghaib. Ini adalah kerana *qalb* (hati) inilah yang menjadi kunci yang menyeimbangkan jasad yang mempunyai tiga sifat tadi dalam mencapai kebahagiaan, kesempurnaan dan mengenal Tuhannya.

Pada bab ini juga, penulis banyak mengemukakan analogi bagi memberikan kefahaman yang lebih mudah kepada para pembaca. Tanpa analogi yang sukar bagi para pembaca menentukan ketepatan maksud yang disampaikan oleh penulis. Antara contoh analogi yang boleh dilihat di sini ialah analogi seorang insan itu sendiri yang dikatakan sebagai kerajaan yang lengkap, hatinya adalah raja bagi kerajaannya; pancainderanya dan inderanya adalah tenteranya; aqalnya pula sebagai wazirnya atau perdana menteri; keinginan syahwatnya pula sebagai pegawai polisnya.

Melalui analogi tersebut, penulis memperincikan lagi bagaimana kerajaan atau diri insan itu berada dalam keadaan harmoni dan terkawal serta seimbang. Contohnya, tugas memungut cukai dan mengumpulkan pendapatan untuk negeri, nafsu dan keinginan sering hendak melakukan tindakan yang melampaui batas. Maka di sini, kedua petugas ini; pemungut cukai dan pegawai polis itu mestilah ditundukkan di bawah raja, tanpa dibunuh atau disisihkan. Pada masa yang sama juga, nafsu dan keinginan yang melebihi daripada aqal akan menjadi rosak. Analogi

lain yang dikemukakan oleh penulis adalah pelbagai dan mengikut maksud sebenar apa yang ingin disampaikan. Namun, terdapat juga beberapa analogi yang diberikan sukar mencapai maksud kerana penggunaan bahasa falsafah yang tinggi.

Seterusnya pada bab kedua pula bertajuk sifat-sifat utama dalam diri insan. Pada bahagian ini, dibahaskan sifat utama insan dan seharusnya disedari oleh insan tersebut yang mana kesedaran ini mampu menyiapkan diri insan ke arah mencapai peribadi yang mencapai kebahagiaan dan kesempurnaan sebagai insan. Dalam bab ini, penulis meletakkan perkaitan dan hubungan yang amat rapat antara akhlak yang mulia dan iman pada diri insan itu. Bahkan sempurnanya iman insan tidak dapat dicapai melainkan dengan memiliki sifat utama pada dirinya.

Penulis mengaitkan akhlak mulia pada diri insan itu adalah sifat utama yang menyempurnakan iman insan tersebut. Penulis menyifatkan kesempurnaan akhlak insan terletak pada sifat utama, bahkan sifat utama ini adalah ibu dan asasnya. Sifat utama ini ialah empat sifat yang telah dijelaskan oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Mizan al-Amal* iaitu kebijaksanaan (al-Hikmah), keberanian (al-Syaja'ah), pengawasan ke atas keinginan dan nafsu (al-Iffah) dan keadilan atau pertimbangan (al-'Adalah). Keempat-empat sifat utama ini memainkan peranan yang begitu penting dalam diri insan yang mana sifat al-hikmah membuktikan kesempurnaan aqal insan itu, manakala sifat *al-Syaja'ah* pula menampilkan keperibadian insan yang bersifat keperwiraan. Sifat *al-Iffah* pula menyempurnakan sifat insan itu dari segi keseimbangan terhadap keinginannya yang akhirnya melahirkan kebaikan pada dirinya. Manakala sifat *al-'Adalah* merupakan pertimbangan keseluruhan bagi insan tersebut yang meliputi tiga sifat utama berkenaan.

Keempat-empat sifat utama dalam diri insan adalah seimbang seandainya dikawal sebaiknya. Namun, keempat-empat sifat utama ini juga boleh mengarah kepada keterlampauan jika jauh dari kawalan. Sifat kebijaksanaan (al-Hikmah) yang melampau akan mengakibatkan sifat cenderung kepada putar belit (al-Khabb) dan sifat dungu (al-Balah). Manakala, sifat keberanian (al-Syaja'ah) yang melampau akan mengakibatkan sifat berani membuta tuli (al-Fahawwur) dan sifat pengecut (al-Jubun). Seterusnya sifat pengawasan terhadap keinginan dan nafsu (al-Iffah) yang melampau akan mengakibatkan sifat rakus (al-Syarah) dan sifat tiada keinginan terhadap perkara yang sepatutnya dizahirkan keinginan (al-Humud) dan yang terakhir, sifat keadilan atau pertimbangan (al-'Adalah) yang meliputi ketiga-tiga sifat utama ini, jika seimbang penjagaannya ia seperti raja dan negerinya, rakyatnya dan tenteranya. Sifat keadilan ini seperti menjaga keadaan dengan sebaik-baiknya; raja yang melihat dan mengurus serta berkuasa dalam negerinya, tenteranya yang lemah bertanggungjawab untuk taat di bawah kepimpinan raja mereka dan tidak menderhakai dan menimbulkan huru-hara dan begitu juga hal rakyatnya.

Secara keseluruhan yang disampaikan pada bab dua ini lebih mudah difahami berbanding bab pertama mengenai konsep insan dalam Islam. Para pembaca dapat menggambarkan bagaimana iman dan akhlak mulia pada diri insan itu terbentuk. Bahkan terbentuknya akhlak mulia pada diri insan itu berpandukan kepada empat sifat utama yang ada pada diri insan. Pendek kata, penjagaan yang seimbang tiga sifat utama ini akan melahirkan sifat utama keadilan atau *al-'Adalah*.

Bab yang ketiga iaitu bab terakhir pada buku ini bertajuk hubungan sifat-sifat utama dengan sifat-sifat kemuliaan diri insan. Pada bab ini, penulis memperincikan lagi empat sifat utama pada diri insan kepada cawangan-cawangan atau subsifat kecil yang lain yang terlahir daripada sifat utama tersebut. Sifat utama *al-Hikmah* (kebijaksanaan) melahirkan sifat kemuliaan lain pada diri insan seperti kebaikan dalam mentadbir, kesucian fahaman, kecerdasan berfikir dan sangkaan yang tepat.

Sifat kebijaksanaan (*al-Hikmah*) bukan sahaja boleh melahirkan subsifat kemuliaan tersebut, tetapi boleh melahirkan subsifat yang lawan kepada subsifat kemuliaan itu. Antaranya (*al-Daha*); sifat yang dapat membuat keputusan yang sangat baik tetapi pada hakikatnya ia bukannya keputusan yang baik bahkan mengandungi bahaya daripada keputusan itu. Sub sifat lawan lain yang muncul seperti *al-Ghamarah*, *al-Humud* dan *al-Junun*. Seterusnya sifat utama bagi keberanian (*al-Syaja'ah*) juga melahirkan sub sifat-sifat kemuliaan pada diri insan seperti *al-Karam*, *al-Najdah*, *al-Ihtimal*, *al-Hilm*, *al-Shahamah*, *al-Nabl* dan *al-Waqar*. Namun, terdapat juga subsifat lawan yang terlahir daripada sifat utama ini seperti suka berbelanja dalam perkara yang tidak penting untuk menunjukkan kelebihan diri, bakhil dalam membelanjakan harta dalam perkara yang wajib, memperkecilkan maut, berani yang membuta tuli tanpa apa-apa alasan yang baik dan takabbur.

Manakala sifat utama terakhir, pengawasan terhadap keinginan dan nafsu (*al-Iffah*) turut melahirkan subsifat kemuliaan insan seperti *al-Haya*, *al-Khajal*, *al-Musahamah*, *al-Sabr*, *al-Sakha'*, *Husn al-Taqdir*, *al-Intizam* dan banyak lagi yang disebutkan oleh penulis buku ini. Pada masa yang sama, sifat utama ini boleh melahirkan subsifat lawan kepada subsifat kemuliaan ini. Antaranya sub sifat lawan yang terlahir seperti *al-Waqahah*, *al-Takhannuth*, *al-Tabzir*, *al-Taqtir*, *al-Riya'*, *al-Hutkah*, *al-Mazazah*, *al-Majanah*, *al-'Abath*, *al-Tahashi*, *al-Shakasah*, *al-Malaq*, *al-Hasad* dan *al-Shamatah*.

Secara keseluruhan pada bab tiga ini, antara kekuatan yang ditonjolkan daripada penulis buku ini ialah beliau mengemukakan dengan lebih spesifik sifat utama pada bab dua ini kepada subsifat yang terlahir daripada sifat utama ini sama ada subsifat tersebut melahirkan sifat kemuliaan diri insan itu sendiri ataupun sifat lawan bagi

diri insan itu sendiri. Namun, dalam pembahasan ini, perlunya perincian yang lebih bagi para pembaca untuk lebih jelas dan faham bagaimana menghadapi era baharu ini dengan memastikan empat sifat utama diri insan itu menjadi sebatian dalam diri setiap insan. Bahkan, perlu dibincangkan secara praktikal bagaimana menanam sifat utama ini bagi melahirkan sub sifat yang mulia pada diri insan tersebut.

Buku ini hakikatnya memberi sumbangan besar kepada dunia ilmu tasawuf atau ilmu akhlak dalam dunia Islam. Ini adalah kerana penampilan buku ini mengemukakan dan mengembangkan pandangan daripada tradisi ulama Islam terdahulu seperti Imam al-Ghazali. Pada masa yang sama, analogi yang dikemukakan khususnya pada bab pertama, sedikit sebanyak membantu memberi kefahaman kepada para pembaca.

